

14/09/1998

Pingat perak penyeri lumba basikal

WALAUPUN dua hari berlalu, Nor Effandy Rosli masih sukar mempercayai dia memenangi pingat perak pertama negara bagi acara 184km lebuhraya di Shah Alam, kelmarin.

Malah, ketika tersedar dari tidurnya pagi semalam, Nor Effandy terus mencubit dirinya untuk memastikan saat paling bersejarah ketika dikalungkan pingat perak Sukan Komanwel tengah hari Sabtu lalu, bukan satu mimpi.

Selepas membelek sendiri pingat perak yang dimenangi, barulah dia percaya ia kejayaan bersama hasil penat lelah semua rakan pelumba yang berlatih bersama sejak berbulan-bulan lalu.

Kepuasan yang dirasainya tidak terhingga, tetapi Nor Effandy berharap kemenangan itu membuka mata semua pihak dan memberikan pengiktirafan terhadap lumba basikal negara, yang sentiasa terpinggir.

Katanya, selain keringat yang mencurahkan keluar, lumba basikal kadangkala mengundang risiko sehingga ada ketika pelumba terpaksa bermandi darah apabila kemalangan ketika latihan atau pertandingan.

Menceritakan detik penentuan kelmarin, pelumba berusia 31 tahun itu mengakui keazaman tinggi dan semangat 'Malaysia Boleh' adalah faktor utama yang menyokong kayuhan gemilangnya untuk bertindak melakukan pemecahan daripada kelompok besar, seterusnya berada dalam kelompok pendahulu bersama empat pelumba lain.

"Ketika bangun pagi tadi, saya masih tidak percaya lagi. Tetapi sebenarnya saya memang berazam tinggi kerana pada usia 31 tahun, saya mahu mencatatkan kejayaan besar.

"Ini juga untuk membuktikan pelumba tempatan juga sudah bersedia untuk mengharungi lebih perlumbaan di peringkat antarabangsa. Saya harap lumba basikal selepas ini mendapat pengiktirafan tinggi daripada peminat sukan," katanya selepas pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Skuasy Nasional, semalam.

Nor Effandy, anak kepada bekas Raja Bukit Malaysia, N A Rosli mengejutkan ramai pelumba asing apabila mampu menyaingi kayuhan pelumba lebih handal dan berpengalaman sebelum tewas tipis kepada pelumba profesional Australia, Jay Sweet kelmarin.

Selain menebus kehampaan di Victoria '94, katanya kejayaan itu juga begitu bermakna disebabkan kehadiran seluruh anggota keluarga yang sudah menunggu di kawasan garisan penamat sejak awal pagi.

Sekurang-kurangnya selepas kejayaan itu, katanya, peminat sudah mengenali wajahnya apabila ramai yang datang berjabat salam dan mengucapkan tahniah ketika dia berjalan melalui kawasan Perkampungan Sukan, pagi semalam.

"Jika dikaitkan dengan lumba basikal, peminat lebih mengenali wajah M Kumaresan kerana kejayaan lalunya. Tetapi biarlah peminat kenali siapa pelumba basikal negara selepas ini," katanya merujuk kepada rakan pelumba lebuhraya dan trek yang berusaha untuk terus membuat kejutan pada Kuala Lumpur '98 ini.

(END)